

Headline	Johor Port, Petronas LNG sediakan khidmat marin		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Color	Black/white
Page No	57	ArticleSize	135 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,285	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,854		



# Johor Port, Petronas LNG sediakan khidmat marin

**Johor** Port Bhd memeterai perjanjian dengan Petronas LNG Ltd (PLL), sebuah anak syarikat PETRONAS bagi menyediakan perkhidmatan marin termasuk menawarkan tarif yang menarik kepada kapal yang menerima perkhidmatan *Gassing Up and Colling Down* (GUCD) di Terminal Regasifikasi PLL Pengerang.

Johor Port dalam satu kenyataan berkata, GUCD adalah perkhidmatan khusus bagi membawa tangki simpanan di atas kapal gas asli cecair (LNG) kepada persekitaran semula jadi untuk penyejukan ke tahap suhu kriogenik (-160 darjah Celcius).

“Proses GUCD adalah satu keperluan bagi kapal LNG untuk memastikan pemungghahan kargo LNG yang selamat,” katanya.

Usaha sama antara Johor Port dan Petronas LNG diharap akan menggalakkan lebih banyak operator serta pemilik kapal menggunakan perkhidmatan di terminal Pengerang, dengan mengambil kesempatan kedudukannya yang strategik dan berdekatan dengan limbungan kapal di Malaysia serta Singapura.

Ketua Pegawai Eksekutif Johor Port, Shahrull Allam Shah Abdul Halim, berkata syarikat berkenaan mempunyai malim yang terlatih dan berpengalaman bagi mengendalikan semua jenis kapal dan disokong oleh bot tunda, bot tambatan, kumpulan penambat yang setara dengan mana-mana pelabuhan yang maju di rantau ini.

Johor Port sekarang ini, mengendalikan dan menguruskan Terminal Produk Pepejal Petronas (SPT) di Pengerang yang merangkumi penyediaan tenaga kerja, peralatan dan sistem operasi.

Konsesi operasi SPT selama 25 tahun yang telah diberikan kepada Johor Port mencerminkan keyakinan serta pengiktirafan gergasi minyak dan gas itu kepada keupayaan serta komitmen pelabuhan.

**BERNAMA**